

Penduduk terus diancam hakisan

Mereka berharap ia diatasi segera sebelum musim tengkujuh akan datang, bimbang rumah runtuh ke sungai



Benteng bakul batu yang dibina tidak memadai untuk menghalang terjahan arus sungai tahun 2012.



Penduduk Kampung Tenaik cemas apabila tebing semakin terhakis.

PASIR PUTEH - Beberapa tahun lalu, penduduk di Kampung Bukit Abal Timur, Bukit Abal, di sini meletakkan kebimbangan kerana arus deras air sungai mula menghakis tebing pada musim tengkujuh.

Sesetengah penduduk mengeluarkan perbelanjaan sendiri membina benteng dengan guni pasir sebelum masalah itu menarik perhatian agensi berkaitan yang membina benteng dengan meletakkan bakul batu di kawasan berisiko di tebing Sungai Bukit Abal itu.

Banjir yang melanda tahun 2012 menyaksikan tebing terhakis teruk sehingga bakul batu mendap dan sekurang-kurangnya 10 keluarga di pinggir sungai itu berada dalam situasi bahaya.

Tahun lepas, situasi semakin mencemaskan sehingga penduduk tidak

berani ke bahagian dapur rumah sendiri kerana strukturnya terjejas teruk dan hanya menunggu masa ia runtuh.

Sungai bengkok-bengkok di kawasan itu dikatakan punca arus deras menerjah tebing sehingga penduduk tidak dapat tidur dengan lena kerana bimbang rumah mereka runtuh.

Pokok-pokok yang ditanam penduduk di belakang rumah atau di tebing sungai sudah lama dihanyutkan arus.

Awal tahun ini, masalah itu dibawa kepada Adun Selising, Zulkifli Ali yang segera membuat tinjauan.

Zulkifli ketika dihubungi berkata, antara jalan penyelesaian yang boleh dilakukan adalah dengan mengurangkan lekuk sungai sekali gus mengurangkan impak terjahan arus.

Bagaimanapun katanya, ia

membabitkan kos terlalu tinggi iaitu mungkin melebihi RM1 juta yang memerlukan penelitian sebelum melaksanakannya.

"Saya sudah membawa masalah ini ke peringkat atas dan berharap masalah ini dapat diatasi sebelum tengkujuh tahun ini.

"Sungai perlu digali semula bagi meluruskannya untuk mengelak rumah penduduk terus diancam hakisan," katanya.

Penduduk, Seman Yaacob, 70, berkata, banjir yang melanda daerah ini tahun lalu memburukkan lagi keadaan apabila jarak rumahnya dengan tebing tinggal hanya beberapa inci sahaja.

Katanya, dia dibantu anak-anak membina benteng guni pasir tetapi ia tidak cukup untuk menahan terjahan arus deras.

"Ketika banjir melanda, saya



Masalah hakisan tebing sungai mendapat perhatian Zulkifli awal tahun ini.



Zulkifli (tengah) melihat sendiri keadaan tebing sungai yang terhakis teruk.

mengharungi air paras paha di belakang rumah untuk melihat keadaan tebing tetapi saya tidak berani mendekatinya kerana bimbang dihanyutkan arus," katanya.

Seorang lagi penduduk, Haris Abdullah, 52, berkata, pada malam berlaku banjir, rumahnya bergegar diterjah arus sungai.

"Cukup menakutkan ketika saya terdengar pohon buluh dan pokok dokong di belakang rumah terbalik dan arus sungai tidak ubah seperti ombak besar di laut.

"Ketika ini mungkin selamat tetapi saya tidak dapat membayangkan apa akan berlaku pada musim tengkujuh akan datang," katanya.



Rumah di tebing sungai di Kampung Tenaik yang dirakam awal tahun 2013.